

Ahmad Zahid tarik balik rayuan

Putrajaya: Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menarik balik rayuannya terhadap keputusan Mahkamah Tinggi yang menolak permohonannya untuk mencabar dari segi perlembagaan berhubung dua akta membabitkan penerimaan bukti dokumen bagi tuduhan dihadapinya.

Akta berkenaan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan Akta Pencegahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001.

Peguam Hisyam Teh Poh Teik mewakili Ahmad Zahid memaklumkan panel tiga Hakim Mahkamah Rayuan yang diketuai Hakim Datuk Seri Kamaludin Md Said pihaknya menarik balik permohonan itu.

Dua lagi hakim yang bersidang ialah P Ravinthran

dan Datuk Nordin Hassan.

Timbalan Pendakwa Raya Ahmad Sazilee Abdul Khairi berkata, pihak pendakwaan tidak membantah mengenai perkara itu.

Hakim Kamaludin kemudian membatalkan permohonan itu yang sepatutnya dijadualkan dide ngar hari ini.

Ketika ditemui selepas prosiding, Hisyam memberitahu media beliau mengemukakan notis pembatalan rayuan pada 2 Julai lalu dan memaklumkan tiada alasan penarikan.

Pada 18 November 2019, Hakim Mahkamah Tinggi Collin Lawrence Sequerah menolak permohonan bekas timbalan perdana menteri itu untuk mencabar perlembagaan dalam Seksyen 41A Akta SPRM dan Seksyen 71 AMLA, atas alasan permohonan itu pramatang.